

UNDANG UNDANG BAGI PERTUBUHAN PERSATUAN SENIFOTO PETALING JAYA

Peraturan 1. Nama dan Tempat Urusan

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERSATUAN SENIFOTO PETALING JAYA, selepas ini disebut "Persatuan."
2. Tempat urusannya ialah 11 Jalan USJ 2/2G, UEP Subang Jaya, 47600 Selangor Darul Ehsan atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa kesemasa oleh Jawatankuasa; dan alamat surat menyurat ialah P.O. Box 8739, Pejabat Pos Kelana Jaya, 446790 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Alamat berdaftar dan alamat surat menyurat tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

Peraturan 2. Tujuan-tujuan (objektif-objektif)

Objektif Persatuan adalah seperti berikut:

1. Memupuk kecenderungan dan minat di dalam bidang senifoto.
2. Meningkatkan mutu dan piawaian dalam bidang senifoto di dalam negara.
3. Mengembangkan aktiviti senifoto sebagai satu kesenian dan juga sebagai satu pengetahuan sains.
4. Memupuk kepersefahaman dan keharmonian antara kaum di Malaysia dan dari luar negeri dari segi kebudayaan dan falsafah melalui senifoto.

Peraturan 3. Keahlian

1. Kelayakan
 - a. Semua rakyat dan penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah layak menjadi ahli biasa. Warga asing
 - b. Murid-murid sekolah yang berumur di bawah 18 tahun boleh menjadi ahli biasa dengan syarat permohonan dibuat dengan kebenaran ibu bapa.
 - c. Warga asing yang berumur 18 tahun dan ke atas boleh juga menjadi ahli biasa.
 - d. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
 - e. Tiap-tiap pemohon hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan seperti yang ditentukan diterima menjadi ahli Persatuan dan berhaklah ia menjadi ahli.
2. "Fellow"

Persatuan boleh melantik "fellow" dari mana-mana ahli biasa yang telah memberi sumbangan yang terkemuka dalam bidang senifoto dalam jangka masa sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
3. "Honorary Fellow"

Persatuan juga boleh melantik "Honorary Fellow" dari mana-mana orang perseorangan yang telah banyak memberi sumbangan dalam apa jua bentuk kepada Persatuan ataupun kepada bidang senifoto amnya.

Peraturan 4. Bayaran Masuk, Yuran-yuran dan Bayaran lain

1. Bayaran masuk dan yuran yang perlu dibayar adalah seperti berikut :

Kategori Ahli	Bayaran Masuk (RM)	Yuran Tahunan (RM)
1. Biasa	10.00	50.00
2. "Fellow"	10.00	50.00
3. "Hon. Fellow"	Percuma	Percuma
4. Penasihat/ Pengamanah	Percuma	Percuma

2. Pembaruan yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari sebelum penhujung bulan Januari atau Julai pada setiap tahun.
3. Ahli yang gagal membayar yuran tahunannya dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh luput dengan menerima peringatan akan dengan sendirinya terhenti menjadi ahli Persatuan.
4. Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mengenakan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terluput disebabkan hutang.
5. Yuran-yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara-perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli biasa. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam masa yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

Peraturan 5. Pemberhentian dan Pemecatan Ahli

1. Ahli yang hendak berhenti dari menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dalam cara yang mencemarkan nama baik Persatuan bolehlah dipecat atau digantungkan keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantungkan ahli teresbut, ahli itu hendaklah diberitahu secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu, atas rayuan oleh ahli tersebut.

Peraturan 6. Mesyuarat Agung

1. Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli biasa. Sekurang-kurangnya satu perdua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.
2. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih dari 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
3. Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan tetapi tidak lewat dari 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja mesyuarat agung ialah :
 - a. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Persatuan di dalam tahun lalu;
 - b. Menerima laporan Bendahari dan penyata kira-kira yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
 - c. Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang;
 - d. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
4. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli biasa sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung suatu pengumuman awal kerana mesyuarat yang menerangkan tarikh waktu dan tempat serta penerimaan cadangan yang hendak dibincangkan cadangan untuk meminda undang-undang Persatuan dan pencalonan untuk pemilihan ahli Jawatankuasa. Pengumuman mesyuarat juga hendaklah dipamerkan di tempat yang jelas kelihatan di alamat berdaftar atau di tempat mesyuarat Persatuan.
5. Pencalonan-pencalonan untuk pemilihan ahli Jawatankuasa dan cadangan-cadangan untuk dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut hendaklah disampaikan kepada Setiausaha tidak lewat dari 7 hari selepas penerimaan pengumuman awal mesyuarat.

6. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli biasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung tahunan diadakan, satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan, cadangan-cadangan dan pencalonan-pencalonan untuk pemilihan ahli Jawatankuasa berserta dengan penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar atau di tempat mesyuarat Persatuan.
7. Mesyuarat Agung Khas bagi Persatuan ini boleh diadakan :
 - a. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
 - b. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada 1/5 daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab-sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.
8. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
9. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mesyuarat.
10. Fasal (1) dan (2) di dalam undang-undang berklennan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
11. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan draf peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

Peraturan 7. Jawatankuasa

1. Persatuan dipimpin oleh satu Jawatankuasa dan tiga (3) Jawatankuasa Kecil.
2. Satu Jawatankuasa dan tiga (3) Jawatankuasa Kecil yang dinamakan pegawai-pegawai Persatuan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:
3. Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:
 - Seorang Yang Dipertua
 - Seorang Naib Yang Dipertua
 - Seorang Setiausaha
 - Seorang Penolong Setiausaha
 - Seorang Bendahari
 - Seorang Penolong Bendahari
 - dan enam (6) orang Ahli Jawatankuasa Biasa.
4. Tiga Jawatankuasa Kecil adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Kecil Acara dan Publisiti
 - Jawatankuasa Kecil Aktiviti Luar
 - Jawatankuasa Kecil Keahlian
5. Setiap Jawatankuasa Kecil terdiri daripada lima (5) ahli seperti berikut:
 - Dua (2) Ahli Jawatankuasa Biasa yang ditugaskan untuk memimpin Jawatankuasa Kecil.
 - Tiga Ahli Jawatankuasa Kecil yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:
 6. Nama-nama untuk jawatan-jawatan peraturan (1) dan (4) di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tahun. Jawatan Yang Dipertua tidak boleh dipegang oleh pegawai yang dilantik semula untuk tiga (3) tahun berturut-turut.
 7. Pekerjaan Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa taat kepada keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatan-kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
 8. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 6 minggu. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Yang Dipertua dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
 9. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa dengan surat pekeliling, syarat-syarat yang berikutan hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
 - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
 - b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
 - c. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringat mesyuarat.
 10. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

11. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli Persatuan yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
12. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan, dan melantik pengurus-pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.
13. Jawatankuasa ini boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

Peraturan 8. Kewajipan-kewajipan Pegawai

1. Yang Dipertua, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.
2. Naib Yang Dipertua hendaklah memangku Yang Dipertua semasa ketiadaannya.
3. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat-mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan-catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966.
4. Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
5. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Setiausaha.
6. Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan menjalankan apa-apa tugas yang diberi oleh Jawatankuasa dari masa ke masa. Semua kenyataan akhbar mengenai Persatuan hanya boleh dibuat oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atas arahan Yang Dipertua. Lain-lain ahli Jawatankuasa tidak boleh membuat apa-apa kenyataan akhbar mengenai Persatuan melainkan setelah mendapat kelulusan khas dari Jawatankuasa.

Peraturan 9. Kewangan

1. Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi peraturan ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walau bagaimanapun tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.
2. Bendahari dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang disetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari. Kerana ketiadaan Yang Dipertua, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.
4. Perbelanjaan yang lebih daripada RM500.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM3,000.00 bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM500.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Yang Dipertua bersama Setiausaha dan Bendahari.
5. Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa kira-kira yang dilantik mengikut undang-undang 10, dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinan-salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi Persatuan.
6. Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember, tiap-tiap tahun.

Peraturan 10. Pemeriksa Kira-Kira

1. Satu orang atau lebih yang bukannya pegawai Persatuan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira Kehormat. Ia/mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan tidak boleh dilantik semula.
2. Pemeriksa Kira-Kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Ia/mereka harus juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua memeriksa kira-kira Persatuan bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan-jawatan ia/mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

Peraturan 11. Pengamanah

1. Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Persatuan dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).
2. Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan milik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung Persatuan.
3. Seorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau perkerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam mesyuarat agung.

Peraturan 12. Tafsiran Undang-Undang

1. Diantara mesyuarat-mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa jika mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

Peraturan 13. Penasihat/Penaung

Jawatankuasa Persatuan ini bolehlah, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Persatuan ini. Persatuan boleh mempunyai lebih dari seorang penasihat.

Peraturan 14. Larangan

1. Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Persatuan : Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belankai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
2. Persatuan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.
3. Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawai atau Jawtankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
4. Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Persatuan kepada mana-mana ahli Persatuan.

Peraturan 15. Pindaan Undang-Undang

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasnya mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Peraturan 16. Pembubaran

1. Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri berhak mengundi dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
2. Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan dalam mesyuarat agung.
3. Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

.....

Yang Dipertua

Nama :

Tarikh:

.....

Setiausaha

Nama :